

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	14 JAN 2015

'Politik dinasti', Tun M diminta lebih telus

UM-14/1/2015

KUALA LUMPUR 13 Jan. Kebimbangan Tun Dr. Mahathir Mohamad mengenai amalan atau budaya politik dinasti dalam UMNO bukanlah sesuatu yang mudah berlaku dalam parti tersebut.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Dr. Mohd. Puad Zarkashi berkata, ini memandangkan Perlembagaan UMNO telah pun dipinda di bawah kepimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak dengan kuasa memilih pemimpin sudah diperluaskan kepada kira-kira 146,000 perwakilan.

"Sehubungan itu, Dr. Mahathir wajar menilai kepada apa yang berlaku di sekelilingnya sendiri. Saya juga harap beliau lebih telus bila mendesak supaya ahli UMNO menolak amalan atau budaya politik dinasti," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Dr. Mahathir dalam blognya Sabtu lalu mengingatkan dalam UMNO tidak harus ada dinasti dengan siapa sahaja yang layak dan cinta UMNO berhak dilantik ke semua jawatan.

Bagi bekas Perdana Menteri itu, kaitan kekeluargaan tidak boleh dijadikan asas pemilihan atau penolakan.

"Mungkin semua ini tidak mudah dilakukan. Tetapi percubaan mesti dibuat," kata Dr. Mahathir.

Sementara itu, kata Mohd. Puad, Dr. Mahathir wajar menilai semula kenyataan beliau bahawa siapa sahaja yang layak dan cinta UMNO berhak dilantik ke semua

jawatan serta kaitan kekeluargaan tidak boleh dijadikan asas pemilihan atau penolakan.

"Dr. Mahathir perlu melihat semula apa yang telah beliau lakukan, jika kenyataan itu dimaksudkan tentang Datuk Seri Najib, nyata beliau silap kerana Perdana Menteri mula menyertai gelanggang politik selepas bapanya Allahyarham Tun Abdul Razak meninggal dunia.

"Ini berbeza dengan sesetengah pemimpin politik yang lain, malah seldranya 'politik dinasti' itu dimaksudkan sebagai 'pilih kasih', mungkin Dr. Mahathir lupa bahawa beliau

sendiri dipilih sebagai Timbalan Presiden melangkaui orang lain (Naib Presiden UMNO senior ketika itu)," jelasnya.

Tambah Mohd. Puad, pelantikan Dr. Mahathir sebagai Timbalan Presiden dahulu juga telah menimbulkan rasa tidak senang dalam kalangan pemimpin senior UMNO.



DR. MAHATHIR



MOHD. PUAD ZARKASHI